



VGDZ-B-BT01: PERTEMBUNGAN BERTAKDIR!

PERTEMBUNGAN BOOSTER BERTAKDIR




Set booster ini merupakan set pertama DZ Booster dalam Cardfight!! Vanguard dan sekarang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia! Setiap booster mengandungi 6 kad rawak, dengan 1 kad dijamin rariti R ke atas (RRR, RR atau R). Kad dengan rariti RRR dicetak dengan foil! Mengenalkan skill baharu "Divine Skill"!

VGDZ-B-BT01: Pertembungan Bertakdir akan dijual dalam masa akan datang. Ikuti laman web dan sosmed kami untuk tarikh pemasaran!

KELEWATAN KAD PR BULANAN

Kami ingin mengumumkan bahawa kad PR Bulanan untuk Januari, Februari, Mac dan April akan mengalami kelewatan dalam pengedarannya. Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul. Terima kasih atas pemahaman dan sokongan anda.

NAIB JUARA VGB GP FINAL QUOTE + DEK



“Toyol v3”

Kod DaftarDek: VN5EOC

Kami berjaya berbual dengan naib juara VGB GP untuk melihat strateginya untuk memenangi pertandingan ini.

Ulasan: “Pada satu titik, saya benar-benar mula menikmati menggunakan Rorowa, terima kasih kepada abang saya, Ammar, kawan-kawan, dan terutama sekali Sifu Kacip. Mereka banyak berkongsi idea dan strategi dengan saya, berdasarkan pengalaman mereka dengan dek Bahasa Inggeris dan Jepun. Itulah yang mendorong saya untuk ambil risiko dan bertanding di GP Indo Musim 4, dengan harapan sekurang-kurangnya dapat tempat di WGP Final.

Masa saya berjaya ke final, saya langsung tak tahu yang pemenang akan layak ke Deluxe—saya ingatkan hanya pemain di Jepun sahaja yang bertanding dalam kejohanan itu. Memang salah saya dalam hal tu, hahaha. Tapi tahun ini, kalau masih ada Bahasa GP, saya akan all out, dengan sasaran seterusnya adalah Deluxe!”